



SIARAN MEDIA

9 NOVEMBER 2012

PBAPP SUDAH PASANG SEMBILAN METER AIR PROJEK PERUMAHAN MESRA RAKYAT, PERMATANG TOK SUBUH

Pulau Pinang: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) setakat ini telah memasang meter air di sembilan buah rumah Projek Perumahan Mesra Rakyat di Permatang Tok Subuh, Bukit Mertajam, daripada 12 permohonan untuk penyambungan bekalan air yang diterima daripada penduduk berkenaan.

Pengurus Besar PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa berkata pemasangan meter air untuk tiga permohonan lagi masih belum dilakukan berikutan bayaran deposit untuk bekalan air masih belum diterima. Mengikut prosedur biasa, PBAPP akan membuat pemasangan meter sebaik pembayaran deposit diterima.

“PBAPP tiada masalah untuk memberi bekalan air tetapi pemohon perlulah melengkapkan permohonan dengan deposit yang ditetapkan. Selalunya, PBAPP akan membuat penyambungan bekalan air baru, paling lewat tiga hari selepas pembayaran deposit diterima,” tambah beliau lagi.

Selain unit-unit rumah yang sedia ada berkenaan, terdapat beberapa unit baru di kawasan berkenaan dan setakat ini PBAPP masih belum menerima permohonan daripada penduduk berkenaan.

Selasa lalu, Sinar Harian menyiarkan laporan mengenai rumah siap sejak Mac lalu tetapi tiada meter dipasang.

Sebagai sebuah syarikat pembekalan air bagi negeri Pulau Pinang, PBAPP akan berusaha untuk memberikan bekalan air kepada semua rakyat mengikut prosedur permohonan bekalan air yang biasa.

-Ends-